

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 12/02/2019  
**Edisi / Muka surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)  
**Tajuk** : **Angkasa mahu perluas projek solar di Kedah**

## Angkasa mahu perluas projek solar di Kedah

Tarikh kemaskini: 12/02/2019



PENDANG, 12 Feb (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) berhasrat memperluaskan projek tenaga solarnya di negeri ini selaras komitmen kerajaan negeri yang mahu menjadikan Kedah sebagai peneraju dalam industri tenaga boleh diperbaharui di negara ini.

Presiden Angkasa Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya akan berbincang dengan kerajaan negeri mengenai perkara itu dan akan memohon kuota tenaga daripada Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) untuk melaksanakan lebih banyak projek seumpama itu di Kedah.

“Kedah serta negeri lain di utara ini berpotensi sebab paling sesuai kerana menerima kadar cahaya tinggi berbanding negeri-negeri lain, cuma masalah kita nak dapatkan kuota tenaga. Soal tanah dan modal tidak menjadi halangan kerana kita boleh tubuhkan konsortium.

“Di Kedah sahaja ada lebih 900 koperasi dan keanggotaan hampir 500,000, jadi kita ada kekuatan (untuk melaksanakan projek itu) dan selepas ini kita akan berbincang dengan kerajaan negeri dan SEDA mengenai kuota itu,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Tuaian Hasil Projek Tanaman Halia Angkasa di Titi Akar, Sungai Tiang di sini, hari ini.

Angkasa sebelum ini telah membangunkan sebuah projek tenaga solar di sini dengan kos RM9.78 juta di atas tapak berkeluasan 1.2 hektar dan mula beroperasi sejak Januari tahun lepas.

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata program tuaian halia itu merupakan projek rintis Angkasa yang dilaksanakan menerusi Konsortium Koperasi Tanaman Padi Kedah Bhd sebagai alternatif memaksimumkan keuntungan daripada ladang solar tersebut.

Katanya, tanaman halia dipilih untuk ditanam di bawah panel solar di ladang solar itu kerana ia mudah dijaga dan dapat memberi pulangan keuntungan yang baik kepada Angkasa.

“Ini konsep baharu yang kita mulakan tujuh bulan lalu di mana pada masa ini terdapat 2,000 pokok halia yang ditanam di bawah sembilan blok panel solar yang mula mengeluarkan hasil dan akan dijual pada harga RM4 sekilogram di pasaran tempatan.

“Saya ingat ini adalah projek pertanian pertama seumpamanya di Kedah mahupun Malaysia dan kita bercadang untuk kembangkan lagi konsep ini dengan pelbagai tanaman herba lain seperti kunyit atau menjalankan ternakan yang sesuai seperti puyuh atau ayam,” katanya.

Katanya, projek tuaian halia itu dijangka mampu menjana pendapatan hampir RM500,000 setahun kepada Angkasa, di samping pendapatan penjualan tenaga ladang solar terbabit iaitu kira-kira RM90,000 sebulan menerusi kontrak jualan selama 21 tahun kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB).

-- BERNAMA